

## PEKELILING JABATAN PENDAFTAR



RUJUKAN KAMI : UNIMAP/PEND/101/2-6 ( 26 )

TARIKH : 1 JUN 2016

---

### SURAT PEKELILING BILANGAN 3 TAHUN 2016

#### PINDAAN WAKTU BEKERJA UNTUK KAKITANGAN UniMAP SEPANJANG BULAN RAMADHAN 1437 HIJRAH

---

#### 1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan waktu bekerja sepanjang bulan Ramadhan **1437** Hijrah di Universiti Malaysia Perlis.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali Ke-87 (Bil.3/2013) pada 19 Julai 2013 bersetuju untuk melaksanakan penguatkuasaan pindaan waktu bekerja sepanjang bulan Ramadhan setiap tahun tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa. Pindaan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada semua kakitangan Universiti Malaysia Perlis membuat persediaan untuk berbuka puasa di sepanjang bulan Ramadhan **1437** Hijrah.

#### 3.0 PELAKSANAAN

**Pindaan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :**

- 3.1 Pindaan waktu bekerja ini adalah hanya untuk bulan Ramadhan **1437** Hijrah
- 3.2 Waktu bekerja yang dipinda ini hendaklah tidak menjejaskan jumlah waktu bekerja iaitu **45 jam** seminggu seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.
- 3.3 Mana-mana Ketua Jabatan adalah dibenarkan untuk mengarahkan kakitangan masing-masing untuk bertugas selepas waktu bekerja yang dipinda ini sekiranya terdapat keperluan mendesak.

- 3.4 Ketua Jabatan haruslah memastikan semua staf di Jabatan/PTj masing-masing mematuhi dan menepati waktu bekerja sempena bulan Ramadhan **1437** Hijrah ini.
- 3.5 Pegawai Pentadbiran haruslah memantau kedatangan staf di jabatan masing-masing agar operasi dan pengurusan berjalan dengan lancar dan tidak menjejaskan mutu perkhidmatan dalam tempoh pindaan waktu bekerja sempena bulan Ramadhan **1437** Hijrah ini.

#### 4.0 PINDAAN WAKTU BEKERJA

Jadual pindaan waktu bekerja adalah seperti berikut :

Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
Isnin Khamis	8.00 pagi – 1.15tgh	1.15 tgh – 2.00 ptg	2.00 ptg – 4.45 ptg
Jumaat	8.00 pagi -12.15 tgh	12.15 tgh -2.30 ptg	2.30 ptg – 4.45 ptg

#### 5.0 TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa pindaan waktu bekerja ini adalah mulai **1 Ramadhan 1437 Hijrah** sehingga **hari terakhir bulan Ramadhan 1437 Hijrah**.

Sekian, terima kasih.

***“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”***  
***‘Mencarik Adat, Melarik Hasrat’***

Saya yang menurut perintah,

**(ZUBER BIN HAJI MOHAMAD)**  
Pendaftar

**s.k** Naib Canselor  
Semua Timbalan Naib Canselor  
Bendahari  
Pustakawan  
Semua Ketua Jabatan/Dekan